

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENGHAPUSAN

No. Dokumentasi: APTVM 22(e):1/2010

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah

1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif	1
3.0	Skop	2
4.0	Rujukan	2
5.0	Definisi	3
6.0	Kata Singkatan	6
7.0	Dasar	7
8.0	Keputusan Dasar	7
9.0	Arahan Penghapusan	8
10.0	Situasi Di Mana Pemusnahan Haiwan Dijalankan	8
11.0	Tanggungjawab Melaksanakan Pemusnahan	10
12.0	Arahan Prosedur Tetap Penghapusan	10
13.0	Kaedah Penghapusan, Pemusnahan dan Pelupusan	11
14.0	Prosedur Penghapusan, Pemusnahan dan Pelupusan	13
15.0	Tapak Pelupusan	18
16.0	Pengesahan Pelupusan	18
17.0	Pampasan (Ganti Rugi)	19
18.0	Pelaporan	20
19.0	Pengisytiharan Bebas Penyakit	20
Lampiran :		
Carta Alir 1 : Pemusnahan dan Pelupusan Haiwan Berpenyakit dan Produk Haiwan/Bahan Biologik		21
Carta Alir 2 : Pemusnahan dan Pelupusan Haiwan Berpenyakit di Kuarantin		22
Carta Alir 3 : Pemusnahan dan Pelupusan Ketika Kejadian Wabak Penyakit Zoonotik		23

Jadual 1 :	Ketetapan Penghapusan Berdasarkan Situasi	24
Jadual 2 :	Tatacara Penghapusan Mengikut Jenis Haiwan	25
Rajah 1 :	Pandangan Sisi Lubang untuk Pelupusan	25
Borang 1 :	Borang Inventori bagi Penghapusan Ternakan dan Pemusnahan Harta Benda bagi Kawalan dan Pencegahan Wabak Penyakit	26
Borang 2 :	Borang Permohonan Pampasan	29
Jawatankuasa Penyediaan APTVM		33
Penghargaan		33

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PENGHAPUSAN

Penghapusan haiwan dan burung berpenyakit merupakan satu kaedah kawalan dan pembasmian penyakit paling drastik dan berkesan. Penghapusan yang baik akan menghentikan rebakan wabak serta akan mengelak kerugian lebih besar dan menghalang penularan penyakit zoonotik kepada manusia. Namun begitu penghapusan sentiasa penuh dengan kontroversi yang mengandungi implikasi emosi, psikologi, sosial, ekonomi malah politik di samping hubungan antarabangsa.

Melihat kepada kos yang terpaksa ditanggung serta pelbagai implikasi besar, prosedur ini perlu dilaksanakan secara teratur dan sempurna di dalam ruang peruntukan undang-undang yang ada. Penghapusan tidak wajar diambil mudah kerana ia melibatkan tanggungjawab untuk membunuh makhluk yang bernyawa. Pegawai veterinar yang telah mengangkat sumpah sahaja diberi kuasa mengambil keputusan untuk penghapusan.

Penghapusan juga melibatkan persoalan kebajikan haiwan yang perlu dilaksanakan secara tertib dan sopan. Haiwan yang akan dibunuh atau bangkainya perlu dikendali serta dilupuskan dengan sempurna dan teratur. Demikian juga perhatian harus diberikan untuk menjaga perhubungan dengan pemilik, jiran dan masyarakat sekeliling. Pihak agensi lain yang terlibat juga hendaklah sentiasa dihubungi.

Rekod penghapusan pula hendaklah tepat dan teratur bagi menaksir kerugian. Maklumat yang tepat, hendaklah disimpan dengan baik. Perkara ini amat penting bila terdapat bayaran pampasan dan proses pemulihan. Walaupun penghapusan dibuat tanpa melibatkan pampasan, namun rekod sempurna tetap penting untuk menghadapi kemungkinan berlaku perselisihan kemudian hari.

Kaedah penghapusan sering menarik perhatian media dan perlu dikendali secara bijaksana. Prosedur dan peraturan media hendaklah dipatuhi agar masyarakat akan mendapat maklumat yang tepat dan telus. Dalam masa sama laporan terkini hendaklah disampaikan kepada pihak pengurusan atasan agar sentiasa memiliki maklumat terkini kemajuan operasi.

APTVM Penghapusan ini akan menjelaskan tentang situasi dan sebab penghapusan, tanggungjawab dan kaedah, prosedur, tapak, pelupusan, pengesahan dan rekod yang perlu disimpan. Maka dengan ini saya mengarahkan agar semua anggota yang terlibat untuk mematuhi prosedur ini bagi memastikan objektif penghapusan dicapai dengan sempurna.



Dato' Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PENGHAPUSAN

1.0 PENGENALAN

Penghapusan haiwan dan burung berpenyakit perlu dijalankan sebagai tindakan akhir dalam prosedur kawalan penyakit. Tindakan ini perlu dilaksanakan berpandukan dasar dan arahan Kerajaan bagi memastikan penularan penyakit dihentikan serta-merta. Aktiviti penghapusan, pemusnahan dan pelupusan memerlukan perancangan awal yang rapi demi kesiapsiagaan dan keberkesannya.

Tindakan penghapusan ini diambil untuk mengelakkan keresahan pihak awam dari ancaman rebakan penyakit zoonotik, yang menjejaskan ekonomi serta kesejahteraan sosial, dan menghalang kelancaran perdagangan haiwan dan produk haiwan diperingkat dalam negara dan antarabangsa.

Persoalan yang sering timbul ketika penghapusan meliputi aspek bilangan ternakan yang terlibat, langkah biosekuriti dan risiko, ancaman kepada kesihatan dan keselamatan anggota dan penternak, peralatan, pencemaran alam sekitar dan tekanan emosi yang dialami oleh pemilik haiwan serta petugas.

Maka APTVM bagi penghapusan ini membolehkan satu tindakan seragam, bersepadu dan berkesan dapat dijalankan dari segi pengurusan sumber tenaga manusia, prosedur kerja, pengenalan lokasi, komunikasi dan logistik. Prosedur ini akan tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang terpakai.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan garis panduan untuk menjalankan penghapusan haiwan yang telah disahkan berpenyakit.
- 2.2 Menghentikan penularan dan pembasmian penyakit haiwan dengan pantas, jimat dan berkesan.
- 2.3 Mengelakkan penyakit zoonotik merebak kepada manusia.
- 2.4 Menyekat kemasukan penyakit haiwan dari luar negara.

- 2.5 Memusnahkan bahan berkaitan dan melupuskan produk haiwan dan bahan biologik yang tidak memenuhi syarat pengimportan.
- 2.6 Memusnahkan haiwan, hasil, dan produk haiwan yang berpenyakit dan tercemar serta tidak sesuai untuk makanan manusia mengikut perintah mahkamah dan menurut undang-undang yang dikuatkuasakan.

3.0 SKOP

APTVM penghapusan haiwan dan produk haiwan ini merangkumi dasar, keputusan dasar, pengeluaran arahan, menjelaskan kuasa menjalankan pemusnahan, situasi dan sebab yang membenarkan pilihan ini. APTVM ini juga menggariskan arahan tetap, kaedah, prosedur pemilihan tapak pelupusan, prosedur pelupusan, pengesahan, pelaporan, pengisytiharan bebas penyakit dan pegawai yang diberi kuasa.

4.0 RUJUKAN

Undang-undang yang dirujuk dalam APTVM ini:

4.1 Akta Binatang 1953 [Akta 647] (Semakan 2006)

Peruntukan berkaitan: seksyen 2, 12, 13, 19, 24, 25, 28, 33, 34, 82, subseksyen 9(2), 38(6), 39(5), 40(1)&(2), 42(6)(a)&(7), 47(2), 48(1) dan 68(2A) dan perenggan 9(1)(b), 47(1)(c) dan 86(2)(j)&(k).

- i) Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985 [P.U.(A) 236]
Peruntukan berkaitan: kaedah 2, 4[perkara 14 and 15, Bahagian II, Jadual Pertama], 6[subperkara 6(5) dan perkara 7 Seksyen C, Bahagian I, Jadual ketiga] dan 6[perkara 6 hingga 14, seksyen A, Bahagian II, Jadual Ketiga], 6[seksyen A, B dan C, Bahagian III, Jadual Ketiga].
- ii) Undang-Undang Kecil Kuarantin Persekutuan
Pengurusan dan Penyelenggaraan) 1984 [P.U.(A) 397]
Peruntukan berkaitan: undang-undang kecil 2 dan 18.

- 4.2 Akta Makanan Haiwan 2009 [Akta 698]
Peruntukan berkaitan: seksyen 2 dan perenggan 39(1)(c)
- 4.3 Akta Doktor Veterinar, 1974 [Akta 147]
Peruntukan berkaitan: seksyen 2 dan 24.
'Guide to Professional Conduct by Malaysian Veterinary Council'.
- 4.4 *'Environmental Quality Act 1974 [Act 127]'*

5.0 DEFINISI

5.1 Anggota Jabatan

Semua anggota yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia termasuk Veterinawan Bertauliah yang diarah menjalankan tugas-tugas pemusnahan.

5.2 Bahan biologi

Mana-mana bahan biologi yang berasaskan haiwan.

5.3 Biosekuriti

Dasar dan langkah yang diambil untuk melindungi haiwan daripada ancaman biologikal.

5.4 Haiwan

Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, babi, kuda, rusa, anjing, kucing, unggas/burung serta mana-mana binatang seperti yang termaktub dalam Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006).

5.5 Haiwan disyaki berpenyakit

Semua haiwan dan burung yang ada hubungan dengan haiwan yang berpenyakit, datang dari kawasan berpenyakit atau merakamkan keputusan ujian penyakit diragui, menunjukkan gejala penyakit yang menyerupai Penyakit Wajib Laporan atau yang tidak diketahui lokasi asal kerana tidak memiliki dokumen veterinar yang sah semasa haiwan di pintu masuk.

5.6 Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit yang diuruskan melalui APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

5.7 Kuarantin penyakit

Perintah menyekat pergerakan keluar haiwan dari gerompok yang terjangkit ke kawasan lain, bagi tempoh tertentu yang telah ditetapkan.

5.8 Lokasi

Lokasi merujuk kepada tempat haiwan dan burung atau di mana disyaki berpenyakit termasuklah indeks penyakit dan premis berdaftar yang ditentukan oleh sistem kedudukan global (GPS) samada sebagai lokasi asal atau lokasi destinasi.

5.9 Makmal Veterinar

Makmal Veterinar Kawasan (MVK) dan Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV) yang menjalankan ujian pengesahan penyakit atau makmal yang diiktiraf oleh DVS.

5.10 Media massa

Saluran komunikasi secara elektronik yang mampu menyampaikan maklumat dan informasi melalui paparan visual atau audio mahupun keduanya sekali.

5.11 Negeri

Semua tiga belas (13) negeri dan tiga (3) wilayah persekutuan di Malaysia.

5.12 Pelupusan

Aktiviti yang dilakukan untuk menghapuskan karkas/bangkai haiwan/hasil haiwan/bahan biologik dan bahan yang telah dijangkiti secara individu atau besar-besaran yang telah disahkan berpenyakit atau berisiko dan atas kes tangkapan/penyeludupan.

5.13 Pemilik haiwan

Individu atau syarikat yang menjalankan aktiviti membela/menternak haiwan.

5.14 Pemusnahan

Proses memusnah dan membakar bahan daripada bangunan, kandang, bangsal, petak, sangkar atau tempat yang berkaitan dengan haiwan berpenyakit. Pemusnahan boleh melibatkan apa-apa alatan, kelengkapan dan perkakasan yang berkaitan dengan haiwan dan burung berpenyakit.

5.15 Pengangkutan

Mana-mana kaedah pengangkutan yang digunakan untuk mengangkut atau memindah haiwan samada melalui udara, darat dan air.

5.16 Penghapusan

Aktiviti yang dilakukan untuk mematikan haiwan dan burung secara individu atau besar-besaran yang telah disahkan berpenyakit dan atau berisiko dan atau kes tangkapan/penyeludupan melalui perintah mahkamah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Etika Haiwan.

5.17 Pintu masuk

Lokasi pendaratan haiwan yang telah di warta di bawah Akta Binatang 1953 (Semakan – 2006). Kaedah-kaedah Pengimportan Binatang 1962 yang merangkumi pelabuhan, pintu masuk sempadan dan lapangan terbang.

5.18 Produk haiwan

Produk yang terhasil daripada haiwan yang masih hidup atau telah disembelih / dibantai untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai.

5.19 Stesen Kuarantin Haiwan

Stesen yang digunakan untuk menahan haiwan yang diimport untuk pemerhatian dan pencegahan penyakit. Ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Kerajaan dan Kerajaan Negeri di tempat yang sesuai di Semenanjung Malaysia termasuklah Stesen Kuarantin Swasta.

5.20 Tanda pengenalan haiwan

Apa-apa tanda pengenalan haiwan samada tag telinga, tanda cacah, cap badan, mikrocip, RFID (Radio-Frequency Identification) atau pelbagai tanda yang boleh menentukan pengenalan.

6.0 KATA SINGKATAN

APTVM	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
BSE	- <i>Bovine Spongioencephalities</i>
EIA	- <i>Equine Infectious Anemia</i>
FMD	- <i>Foot and Mouth Disease</i>
GPS	- <i>Global Positioning System</i>
JE	- <i>Japanese Encephalities</i>
IPPV	- Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia
DVS	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JPS	- Jabatan Pengairan dan Saliran
KPPV	- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
MVK	- Makmal Veterinar Kawasan
PPVN	- Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
OIE	- <i>World Organisation for Animal Health</i>
RFID	- <i>Radio Frequency Identification</i>
TB	- <i>Tuberculosis</i>

7.0 DASAR

Dasar Pembasmian Kawalan Penyakit Kebangsaan telah menggariskan kaedah penghapusan haiwan, burung dan produk haiwan yang telah dimuktamadkan dalam Protokol Veterinar Malaysia dan APTVM yang berkaitan. Bagi penyakit baru yang belum memiliki dasar mestilah terlebih dahulu mendapat keputusan mengenainya daripada KPPV dan kerajaan.

8.0 KEPUTUSAN DASAR

KPPV akan menggariskan dasar penghapusan, pemusnahan dan pelupusan yang meliputi aspek-aspek berikut:

8.1 Asas penghapusan

- 8.1.1 Penyakit berjangkit (contagious and infectious)
- 8.1.2 Penyakit zoonotik
- 8.1.3 Penyakit baru (emerging)
- 8.1.4 Penyakit muncul semula (re-emerging)
- 8.1.5 Penyakit berimpak ekonomi
(rujuk dokumen Penyakit Wajib Lapor)

8.2 Mekanisma dasar

- 8.2.1 Jawatankuasa Pemandu Pengurusan dan Bencana Kebangsaan (rujuk *Directive No.20, The policy and mechanisme on national disaster and relief management*) untuk penghapusan secara besar-besaran (*Mass Destruction*).
- 8.2.2 Jawatankuasa Pengurusan dan Dasar Kementerian dan Jemaah Menteri serta Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Berkenaan akan dimaklumi untuk memutuskan dasar am.
- 8.2.3 Jawatankuasa Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan akan menentukan penyakit yang akan dibasmi melalui kaedah penghapusan, pemusnahan dan pelupusan.

- 8.2.4 Jawatankuasa Etika Haiwan akan menentukan kaedah dan prosedur penghapusan agar mematuhi piawai kebajikan haiwan.
- 8.2.5 Jawatankuasa Pengurusan dan Dasar Jabatan akan menyelaras dan memantau pelaksanaan di peringkat lapangan.

9.0 ARAHAN PENGHAPUSAN

Tindakan penghapusan dilakukan setelah mendapat arahan satu daripada berikut:

- 9.1 Menteri Besar/Ketua Menteri/Menteri Wilayah Persekutuan atau
- 9.2 Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia atau
- 9.3 Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 9.4 Mahkamah
- 9.5 Pegawai Perubatan Kerajaan (untuk penyakit seperti rabies)
- 9.6 Pihak Berkuasa Veterinar (tidak rendah dari Penolong Pegawai Veterinar)
- 9.7 Pegawai Polis (tidak rendah dari Inspektor)

10.0 SITUASI DI MANA PENGHAPUSAN HAIWAN DIJALANKAN

10.1 Pengimportan dan pengeksporan haiwan atau karkas

- 10.1.1 Sekiranya terdapat haiwan atau karkas yang diimport pada pendapat pihak berkuasa veterinar, dijangkiti dengan apa-apa penyakit atau kemungkinan telah terdedah dengan apa-apa jangkitan atau haiwan atau karkas yang berpenyakit atau apa-apa bahan lain yang dijangkiti.

- 10.1.2 Sekiranya terdapat haiwan didapati mengalami kecederaan yang pada pendapat pihak berkuasa veterinar tidak boleh disembuhkan.
- 10.1.3 Sekiranya terdapat tempat tidur, jerami, tinja, sperma kepunyaan peribadi atau bahan lain yang diimport melalui darat, laut atau udara yang boleh membawa atau menyebarkan penyakit.

10.2 Pencegahan penyebaran penyakit

- 10.2.1 Sekiranya apa-apa haiwan atau karkas yang dijumpai atau dipercayai dengan semunasabahnya telah dijangkiti oleh penyakit atau disyaki telah terdedah dengan haiwan yang berpenyakit atau karkas atau bahan yang telah dijangkiti, sama ada daripada keputusan pemeriksaan dan ujian yang telah ditetapkan.
- 10.2.2 Apabila pihak berkuasa veterinar mengesyaki semunasabahnya bahawa apa-apa haiwan boleh dijangkiti penyakit anjing gila.

10.3 Tidak mematuhi syarat import

- 10.3.1 Produk import hasil haiwan atau bahan biologi haiwan yang tidak mematuhi syarat pengimportan.

10.4 Tahanan/kesalahan

- 10.4.1 Haiwan, burung dan produk haiwan yang ditahan di tempat tahanan atas kesalahan melanggar undang-undang Jabatan, kezaliman terhadap haiwan dan pemindahan tanpa permit / penyeludupan yang didapati berpenyakit atau disyaki berpenyakit.

10.5 Kuarantin berpenyakit haiwan

- 10.5.1 Haiwan, burung dan produk haiwan yang berada dalam premis atau kawasan yang diisytiharkan sebagai kuarantin berpenyakit haiwan.

10.6 Anjing tidak berlesen

- 10.6.1 Anjing yang tidak berlesen dalam kawasan Perintah Pemvaksinan Anti-Anjing Gila dan anjing tidak bertuan.

10.7 Haiwan yang mengancam keselamatan awam

- 10.7.1 Haiwan yang tidak dapat dikawal dan mengancam keselamatan awam boleh dihapuskan oleh pihak berkuasa termasuk polis tidak kurang daripada Inspektor.

11.0 TANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN PENGHAPUSAN

- 11.1 Penghapusan haiwan atau karkas dilaksanakan oleh pihak berkuasa veterinar. Semua makanan, bekas, sangkar, hendaklah dimusnahkan. Segala kos ditanggung oleh pengimport/pemilik haiwan tanpa ganti rugi.
- 11.2 Haiwan dan burung import yang cedera yang tidak boleh dirawat hendaklah dibuat penghapusan veterinar. Kos ditanggung oleh pemilik haiwan dan tiada ganti rugi. Demikian juga untuk penghapusan yang dibuat kerana penyakit tidak boleh diubati atau cedera atau dimusnah atas permintaan tuannya demi kebajikan tiada ganti rugi.
- 11.3 Penghapusan haiwan terbiar dan tidak dituntut di paun/tempat tahanan DVS oleh pihak berkuasa veterinar.

12.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PENGHAPUSAN

- 12.1 Penghapusan hendaklah berjaya membendung penyakit dengan menggunakan kos (kewangan) yang minimum tanpa menyebabkan penularan penyakit kepada manusia bagi penyakit zoonotik dan haiwan lain.
- 12.2 Penghapusan hendaklah dilakukan berdasarkan panduan kebajikan haiwan yang telah ditetapkan dalam OIE.

- 12.3 Semua penghapusan hendaklah direkod dan disimpan dengan teratur. Setiap kenyataan yang dikeluarkan kepada pihak media mestilah mendapat kelulusan daripada KPPV atau PPVN.
- 12.4 Keselamatan petugas semasa operasi penghapusan, pemusnahan dan pelupusan hendaklah diutamakan dengan mengikut prosedur keselamatan yang betul.
- 12.5 Tapak pelupusan hendaklah dikenalpasti terlebih dahulu dan ditanda mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- 12.6 Pastikan bahagian yang boleh dimakan dijalankan pemeriksaan veterinar yang teliti serta dikeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar dan bahagian atau karkas yang ditegah dilupuskan dengan sempurna.
- 12.7 Pengisytiharan bebas penyakit hendaklah dibuat selepas sesuatu kawasan telah bebas dari sesuatu wabak berdasarkan keputusan survelan yang telah dilakukan.

13.0 KAEDAH PENGHAPUSAN, PEMUSNAHAN DAN PELUPUSAN

Terdapat beberapa kaedah penghapusan yang boleh dilaksanakan:

13.1 Penghapusan haiwan

- 13.1.1 Tembakan
- 13.1.2 Pelepasan gas
- 13.1.3 '*Euthanasia*'

13.2 Pemusnahan kandang

- 13.2.1 Runtuh dan tanam
- 13.2.2 Runtuh dan bakar

13.3 Pelupusan

13.3.1 Tanam

- 13.3.1.1 Dapatkan kebenaran dan khidmat nasihat serta mengikut prosedur dan panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah dan Jabatan Alam Sekitar untuk lokasi tapak pelupusan.

- 13.3.1.2 Taburkan satu lapisan kapur untuk memastikan risiko virus hidup meresap dapat dikurangkan.
- 13.3.1.3 Setelah karkas dimasukkan dalam lubang, kambus tanah kira-kira 0.2 meter dan diikuti lapisan kapur sebelum diisikan dengan tanah kambus sepenuhnya.
- 13.3.1.4 Tanah hendaklah dikambus secara membumbung lebih tinggi dari aras tanah untuk mengelakkan lubang tidak menjadi lekuk disebabkan enapan.
- 13.3.1.5 Pemeriksaan hendaklah dijalankan setelah operasi selesai bagi memastikan lubang terkambus sepenuhnya dan tidak ada pencemaran berlaku.

13.3.2 Bakar

- 13.3.2.1 Dapatkan kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar.
- 13.3.2.2 Kawasan yang bersesuaian untuk pembakaran karkas (Makmal, Majlis Daerah dan lain-lain).
- 13.3.2.3 Haiwan yang disyaki berpenyakit (tidak boleh bergerak) yang dikhuatiri akan menyebarkan penyakit ke kawasan lain hendaklah dibakar di kawasan yang selamat untuk dibakar.
- 13.3.2.4 Sekiranya tiada tempat yang sesuai untuk ditanam (*water lock area*) letakkan kayu dan longokkan haiwan yang telah dihapuskan untuk dibakar.

- 13.3.2.5 Bersihkan dan jalankan proses sucihama kawasan tersebut.
- 13.3.2.6 Tandakan dengan ambil bacaan GPS.
- 13.3.2.7 Rekodkan.

14.0 PROSEDUR PENGHAPUSAN, PEMUSNAHAN DAN PELUPUSAN

14.1 Prosedur penghapusan secara besar-besaran (Mass Destruction).

- 14.1.1 Ternakan import yang berpenyakit yang perlu dihapuskan di pintu masuk
 - 14.1.1.1 Pasukan petugas penghapusan akan mengiringi ternakan yang akan dihapuskan ke tapak pelupusan/ rumah sembelih/ Insinerator.
 - 14.1.1.2 Penghapusan mengikut kaedah yang diarahkan (tembak atau pelepasan gas) disaksikan oleh pemilik haiwan. Kos penghapusan, pemusnahan dan pelupusan ditanggung oleh pemilik haiwan.
 - 14.1.1.3 Penghapusan disaksikan dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
 - 14.1.1.4 Pelupusan dilaksanakan (tanam atau bakar) dan tapak pelupusan ditandakan dengan bacaan GPS.
 - 14.1.1.5 Disinfeksi (rujuk APTVM Disinfeksi)
 - 14.1.1.6 Rekod
 - 14.1.1.7 Pelaporan
- 14.1.2 Ternakan berpenyakit dan disyaki berpenyakit di stesen kuarantin haiwan

- 14.1.2.1 Penghapusan dilakukan di dalam kawasan kuarantin mengikut kaedah yang diarahkan dihapuskan disahkan oleh pemilik haiwan.
- 14.1.2.2 Penghapusan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
- 14.1.2.3 Pelupusan dilaksanakan dan tapak pelupusan ditandakan dengan bacaan GPS.
- 14.1.2.4 Disinfeksi (rujuk APTVM Disinfeksi)
- 14.1.2.5 Rekod
- 14.1.2.6 Pelaporan
- 14.1.3 Ternakan yang ditahan di tempat tahanan atas kesalahan pemindahan tanpa permit / penyeludupan yang didapati berpenyakit
 - 14.1.3.1 Penghapusan dilakukan di dalam kawasan rumah sembelih/Incinerator yang berdekatan mengikut kaedah yang diarahkan disaksikan oleh pemilik haiwan.
 - 14.1.3.2 Penghapusan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
 - 14.1.3.3 Pelupusan dijalankan dan tapak pelupusan ditandakan dengan bacaan GPS.
 - 14.1.3.4 Disinfeksi (rujuk APTVM Disinfeksi)
 - 14.1.3.5 Rekod
 - 14.1.3.6 Pelaporan
- 14.1.4 Kejadian wabak penyakit haiwan

Langkah-langkah yang perlu diambil dalam aktiviti penghapusan adalah seperti berikut:

14.1.4.1 Sebelum aktiviti penghapusan dijalankan

- Kenalpasti kawasan untuk operasi penghapusan (Zon penghapusan).
- Kenalpasti tuan punya ternakan.
- Kenalpasti bilangan populasi ternakan yang hendak dihapuskan.
- Kenalpasti tapak pelupusan mengikut prosedur dan panduan yang telah ditetapkan oleh JPS, Pejabat Tanah dan Jabatan Alam Sekitar. Tanda kawasan tersebut dengan GPS.
- Pengurusan pengangkutan dan peralatan dan kelengkapan yang diperlukan (Logistik).
- Rekod

14.1.4.2 Semasa aktiviti penghapusan dijalankan

- Maklumkan kepada pemilik haiwan mengenai operasi penghapusan yang akan dijalankan berdasarkan senarai daftar pemilik ternakan dalam zon penghapusan satu kilometer radius.
- Operasi penangkapan haiwan dijalankan.
- Ternakan yang telah dihapuskan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah penghapusan yang telah ditetapkan.
- Kumpulkan semua haiwan yang telah dihapuskan ke tapak pelupusan.
- Operasi pelupusan atau pembakaran dijalankan di kawasan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemandu Penghapusan.
- Semua bangkai / karkas dimasukkan ke dalam lubang yang telah digali.

- Bangkai/karkas ditanam dan ditabur kapur setebal 5 sentimeter.
- Segala bahan yang tercemar (*disposable glove*, disposable overall, plastik, topeng muka), material / barang-barang daripada bangunan, kandang, bangsal, petak atau sangkar hendaklah dimusnahkan dan dilupuskan bersama bangkai/karkas mengikut kaedah pelupusan yang telah ditetapkan.
- Lubang ditutup dengan tanah dan ditabur kapur.
- Tanda tapak pelupusan dengan bacaan GPS.
- Semua aktiviti pelupusan disaksikan oleh Pihak Berkuasa Veterinar dengan kehadiran pemilik haiwan.

14.1.4.3 Selepas aktiviti pemusnahan

- Pasukan petugas disinfeksi akan mensuci hama:
 - ◇ Kandang/reban
 - ◇ Peralatan
 - ◇ Kenderaan
 - ◇ Kawasan pemusnahan(Sila rujuk kepada APTVM Disinfeksi.)
- Semua data dan maklumat operasi hendaklah direkod dengan baik dan disimpan dengan teratur.
- Rekod
- Pelaporan

- 14.1.5 Produk import hasil haiwan atau bahan biologik haiwan yang tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan.
 - 14.1.5.1 Pelupusan dilakukan dalam 'Insinerator' yang berdekatan mengikut kaedah yang diarahkan disaksikan oleh pemilik. Kos pelupusan ditanggung oleh pemilik.
 - 14.1.5.2 Pelupusan dilaksanakan (tanam atau bakar) dan tapak pelupusan ditandakan dengan bacaan GPS.
 - 14.1.5.3 Disinfeksi (rujuk APTVM Disinfeksi)
 - 14.1.5.4 Rekod
 - 14.1.5.5 Pelaporan

14.2 Prosedur penghapusan secara individu (individual destruction)

- 14.2.1 Pasukan petugas penghapusan akan mengiringi ternakan yang akan dihapuskan ke tapak pelupusan.
- 14.2.2 Penghapusan mengikut kaedah yang diarahkan (tembak/ euthanasia). Kos penghapusan dan pelupusan ditanggung oleh pemilik haiwan.
- 14.2.3 Dapatkan surat persetujuan penghapusan daripada pemilik bagi kes-kes penghapusan haiwan kesayangan dan kuda. (penghapusan kaedah euthanasia).
- 14.2.4 Pemilihan tapak pelupusan ditentukan oleh Pegawai Veterinar Daerah dengan persetujuan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri.
- 14.2.5 Penghapusan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
- 14.2.6 Pelupusan dilaksanakan dan tapak pelupusan ditandakan dengan bacaan GPS.
- 14.2.7 Disinfeksi (rujuk APTVM Disinfeksi)

14.2.8 Rekod

14.2.9 Pelaporan

15.0 TAPAK PELUPUSAN

15.1 Penetapan Tapak Pelupusan

15.1.1 Penentuan tapak pelupusan hendaklah mendapat kebenaran dan khidmat nasihat serta mengikut prosedur dan panduan yang telah ditetapkan oleh JPS, Jabatan Tanah dan Jabatan Alam Sekitar.

15.1.2 Lokasi tapak yang telah ditentukan hendaklah ditandakan dengan bacaan GPS.

15.1.3 Lokasi tapak hendaklah bukan di kawasan yang berair ('high table'). Bagi kawasan yang mempunyai paras air tanah yang tinggi, pastikan kawasan pelupusan ditimbus secara membukit.

15.1.4 Lokasi tapak bukan di kawasan yang mudah banjir.

15.2 Spesifikasi tapak pelupusan

15.2.1 Saiz lubang untuk menanam karkas bergantung kepada isipadu karkas tersebut. Karkas yang terlalu banyak boleh menyebabkan penghasilan gas berlebihan dan naik ke permukaan dan mencemar sekitaran.

15.2.2 Tepi lubang perlu digali secara condong sedikit (Rajah 1) bagi mengelakkan ianya runtuh sebelum dikambus.

16.0 PENGESAHAN PELUPUSAN

16.1 Semua aktiviti penghapusan, pemusnahan dan pelupusan mestilah disaksi dan disahkan oleh Pegawai DVS yang dilantik oleh KPPV Malaysia.

17.0 PAMPASAN (GANTI RUGI)

Diberi untuk membolehkan penternak mengatasi tempoh kesukaran akibat wabak. Bayaran pampasan boleh diberikan dalam bentuk wang ataupun harta benda tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

17.1 Penentuan Bilangan Ternakan

- 17.1.1 Bagi ternakan seperti lembu, kambing, bebiri dan babi, kadar penentuan bilangan ternakan adalah berdasarkan jumlah bilangan yang dihapuskan.
- 17.1.2 Bagi ternakan unggas, pampasan akan diberi berdasarkan bilangan ternakan yang hidup semasa proses penghapusan dijalankan.
- 17.1.3 Bilangan di dalam nota hantaran atau rekod flock: A ekor
- 17.1.4 Peratus kematian biasa mengikut kelas ayam: B%
- 17.1.5 Anggaran bilangan stok hidup = $(A - (A \times B))$ ekor

17.2 Penentuan Inventori

- 17.2.1 Pegawai penilai pampasan akan menilai bilangan/ populasi dan jenis ternakan dalam zon jangkitan (1 km radius) dan zon disyaki terjangkit (2 km radius) sebaik sahaja sesuatu kawasan/ladang disahkan berlaku wabak penyakit.
- 17.2.2 Pegawai penilai perlulah mengisi Borang 1 (seperti di lampiran).

17.3 Tuntutan Pampasan


- 17.1 Penternak/wakil penternak perlulah mengemukakan permohonan pampasan dengan mengisi Borang 2 (seperti di lampiran).
- 17.2 Jumlah pampasan mestilah diperakui oleh jawatankuasa dan PPVN setelah mendapat pengesahan Ketua pasukan Kawalan Penyakit.

18.0 PELAPORAN


- 18.1 Ketua petugas penghapusan yang dilantik perlulah membuat laporan operasi harian kepada urusetia Pusat Pengurusan Krisis.

19.0 PENGISYTIHARAN BEBAS PENYAKIT


- 19.1 Apabila kejadian wabak penyakit di sesuatu kawasan telah dibasmi secara menyeluruh dan tidak didapati lagi tanda klinikal dan/atau positif pada keputusan ujian makmal, maka kawasan tersebut layak untuk dipertimbangkan pulih dan bebas.
(sila rujuk APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan)



**CARTA ALIR 2: PEMUSNAHAN DAN PELUPUSAN HAIWAN
BERPENYAKIT DI KUARANTIN**



CARTA ALIR 3: PEMUSNAHAN DAN PELUPUSAN KETIKA KEJADIAN WABAK PENYAKIT




Jadual 1: Ketetapan Penghapusan Berdasarkan situasi

Situasi	Ketetapan Pemusnahan	
1. Ternakan import yang berpenyakit atau disyaki berpenyakit dimusnahkan di pintu masuk	Penghapusan menyeluruh	
2. Ternakan yang berada di kuarantin haiwan yang didapati berpenyakit, atau disyaki berpenyakit	Penghapusan menyeluruh	
3. Ternakan yang ditahan di tempat tahanan atas kesalahan pemindahan tanpa permit / penyeludupan yang didapati berpenyakit	Penghapusan menyeluruh	Nyahtulang
4. Kejadian wabak penyakit ternakan:	Penghapusan menyeluruh	
• HPAI	Penghapusan menyeluruh	
• Nipah	Penghapusan menyeluruh	
• Rabies	Penghapusan menyeluruh	
• Brucellosis	Penghapusan menyeluruh	
i. Brucella abortus ii. Brucella melitensis	Penghapusan menyeluruh	Organ pembiakan dimusnahkan
• FMD	Penghapusan menyeluruh	Nyahtulang
• TB	Penghapusan menyeluruh	
• Glander's	Penghapusan menyeluruh	
• JE	Penghapusan menyeluruh	
• BSE	Penghapusan menyeluruh	
• EIA	Penghapusan menyeluruh	
• Anthrax	Penghapusan menyeluruh	
5. Produk import hasil haiwan atau bahan biologik haiwan yang tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan	Penghapusan menyeluruh	

Jadual 2: Tatacara Penghapusan Mengikut Jenis Haiwan

Jenis Cara	Ruminan	Unggas	Kuda	Babi	Rusa	Anjing	Kucing	Hasilan haiwan	Bahan biologik
Ditembak mati	√		√	√	√				
Pelepasan Gas		√							
Nyahtulang	√				√				
Euthanasia	√	√	√	√	√	√	√		
Bakar (Incinerator)								√	√
Ditanam								√	√

Rajah 1



Rajah 3.1: PAndangan sisi lubang bersaiz 8 m x 2 m x 3 m

**BORANG INVENTORI BAGI PENGHAPUSAN TERNAKAN DAN
PEMUSNAHAN HARTA BENDA BAGI KAWALAN DAN PENCEGAHAN
WABAK PENYAKIT**

A. BUTIR – BUTIR PENTERNAK / LADANG

1. Nama Ladang / No Premis : _____
2. Lokasi Ladang
(Alamat Ladang dan bacaan GPS): _____

3. Kod ladang : _____
4. Nama Pemilik / Syarikat : _____

5. No Kad Pengenalan Pemilik : _____
6. No Pendaftaran Syarikat : _____
7. Alamat Pemilik / Syarikat : _____

8. Kategori Operasi :Nyatakan; Lembu/Kerbau/Kambing/Bebiri/Babi/Ayam/Itik
Lain – lain:

B. BUTIR – BUTIR TERNAKAN

1. Bilangan ternakan yang dihapuskan : _____ ekor
2. Bilangan telur yang dihapuskan : _____ biji
3. Umur ternakan yang dihapuskan .

Umur	Bilangan
_____ Bulan	_____ Ekor
_____ Bulan	_____ Ekor
_____ Bulan	_____ Ekor

C. BUTIR – BUTIR PEGAWAI YANG MELAKSANAKAN PENILAIAN (INVENTORI LADANG)

1. Nombor Pasukan : _____
2. Ahli Pasukan : _____

Nama : _____ (Ketua Pasukan)

Jawatan : _____

(Tandatangan)

(Tandatangan)

Nama : _____ Nama : _____

Jawatan : _____ Jawatan : _____

3. Tarikh penilaian dijalankan : _____
4. Masa penilaian dijalankan : _____

D. PERAKUAN PEMILIK / SYARIKAT

Saya nama, no. kad pengenalan dan alamat seperti di bawah mengaku dan bersetuju bahawa bilangan ternakan / telur * ladang * saya / syarikat _____ Yang beroperasi di _____ yang dinilai adalah seperti dinyatakan di Bahagian B.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

No Telefon/Hp : _____

Tarikh : _____

*Nota : * Potong yang mana tidak berkenaan*

5. Kod Ladang : _____

6. Alamat Ladang : _____

7. ternakan yang dihapuskan (Tandakan / yang berkenaan);

Lembu

Kambing

Bebiri

Babi

Ayam

Itik

Lain-lain (Nyatakan) _____

- Nota : Sekiranya tuntutan dibuat oleh wakil si mati, tuntutan tersebut mestilah dikembalikan bersama dengan surat turun kuasa oleh waris-waris simati.

Tandatangan Penternak / Pemohon

(Cop Syarikat)

(Tarikh)

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

B. PENGESAHAN MAKLUMAT PEMUSNAHAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI.

Nama Pegawai Penyelaras Pemusnahan : _____

Tarikh Pemusnahan : _____

Bilangan ternakan dimusnahkan : _____

C. KIRAAN PAMPASAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI.

Upah	Bayaran Ehsan	Bayaran
1. Bilangan Ternakan	RM _____	RM _____
2. Kadar bantuan seekor	RM _____	RM _____
3. Jumlah Pampasan	RM _____	RM _____

D. CATATAN

T/Tangan Pegawai Pemusnahan.

E. PERAKUAN KETUA JABATAN

Saya menyokong / tidak menyokong permohonan ini;

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

F. KELULUSAN PEMBAYARAN

Saya meluluskan / tidak meluluskan permohonan ini;

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

(Diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar/ Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar / Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS Jabatan Perkhidmatan Veterinar).

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM PENGHAPUSAN

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

Ketua Editor

Dr. Ahmad bin Salleh

Sidang Pengarang

Dr. Dayang Salwani bt Awang Masherri

Dr. Johari bin A. Bakar

Dr. Mazenah bt Yusoff

Dr. Norhaliza bt Abdul Halim

Dr. Nik Hamidah bt Nik Husin

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Penghapusan ini, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV
- 7) Semua Pegawai SKAP